

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SRI ZOHARI BIN HAJI AKOB  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA**

**SEMPENA**

**SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN  
PERINGKAT KKR 2015  
PADA  
1 DISEMBER 2015  
(SELASA)  
BERTEMPAT DI  
DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID  
KOMPLEKS KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YBhg. Datuk Ir. Hj. Adanan bin Mohamed Hussain  
Ketua Pengarah Kerja Raya  
Jabatan Kerja Raya

YBrs. Ir. Mohd Saleh Bin Santhiman  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

YBhg. Datuk Abang Sallehuddin bin Abang Shokeran  
Pengarah  
Jabatan Pengembangan Bahasa dan Sastera  
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-Puan,  
  
Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi,  
Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

*Bismillahirrahmanirrahim.*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

1. Pertamanya, marilah kita melafazkan rasa syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul pada hari ini sempena Majlis Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kementerian Kerja Raya 2015.

2. Saya terlebih dahulu ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang sentiasa gigih berusaha bagi memartabatkan bahasa kebangsaan di negara kita yang berdaulat ini. Tidak ketinggalan juga kepada semua warga Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Pembabitan pelbagai pihak seperti ini mencerminkan iltizam kita semua untuk terus memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara kita.

Hadirin sekalian,

3. Jawatankuasa Pelaksana Bahasa Kebangsaan yang ditubuhkan oleh kerajaan pada 30 November 2010 dan DBP sebagai urus setia

memperlihatkan iltizam dan keseriusan kerajaan dalam memperkasakan bahasa kebangsaan dengan lebih menyeluruh dan berkesan. Jawatankuasa ini ditubuhkan dengan matlamat untuk merancang agar martabat bahasa Melayu sentiasa terpelihara dengan memastikan penggunaannya dengan cara yang betul dan berkesan dalam semua bidang selaras dengan kedudukan bahasa Melayu di bawah Perlembagaan Persekutuan.

4. Jawatankuasa ini juga ditubuhkan bagi merancang program yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan dan kegiatan yang berupaya meningkatkan bahasa kebangsaan ke tahap yang lebih tinggi dan diterima pakai oleh masyarakat, memantau penggunaan bahasa kebangsaan di semua jabatan dan agensi kerajaan, dan sektor berimpak tinggi dan mengemukakan cadangan dan syor daripada jawatankuasa kecil agar semua matlamat dan dasar bahasa kebangsaan terlaksana.

5. Sehingga kini terdapat 18 Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan pada peringkat sektor yang bersama-sama berperanan untuk memastikan pemerkasaan bahasa Melayu di sektor masing-masing. KKR pula diletakkan di bawah Sektor Kerja Raya yang berperanan memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam

pelaksanaan dan pengurusan projek dan tadbir urus kementerian. Saya yakin dan percaya dengan sinergi, komitmen dan sokongan yang padu dan berterusan daripada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan hasrat kerajaan memartabatkan bahasa kebangsaan dalam pelbagai sektor, usaha pemartabatan dan pemerkasaan bahasa kebangsaan negara dapat dilaksanakan dengan berjaya dan berkesan.

6. Kementerian Kerja Raya (KKR) sentiasa menyokong usaha murni yang dilaksanakan oleh DBP dalam mempergiat pemerkasaan bahasa Melayu supaya bahasa kebangsaan kita dapat digunakan secara meluas oleh rakyat. Tahun 2015 merupakan tahun kedua KKR terlibat dalam pelaksanaan Bahasa Kebangsaan. Berbagai-bagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 yang melibatkan kursus-kursus di KKR seperti kursus penulisan surat rasmi dan kursus kesantunan bahasa. Jabatan Kerja Raya (JKR) pula telah melaksanakan Bengkel Apresiasi Puisi bersama dengan Prof. Madya Dr. Lim Swee Tin yang telah berlangsung pada 10 dan 11 September 2015. Manakala Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pula telah menganjurkan program memartabatkan Bahasa Kebangsaan peringkat Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pada 16 Oktober 2015 dengan aktiviti seperti pertandingan pantun, sajak, pidato dan lagu puisi.

7. Bagi sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kementerian pula, KKR telah melaksanakan satu program “Eksplorasi Bahasa Budaya Bangsa” yang melibatkan seramai 40 orang yang terdiri daripada warga KKR dan JKR pada 16 dan 17 Oktober 2015. Eksplorasi Bahasa ini bermula dari Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur ke negeri Sembilan dan Melaka. Di sepanjang perjalanan para peserta telah berhenti di dua lokasi bersejarah iaitu Teratak Zaaba di Negeri Sembilan dan Perkampungan Portugis di Negeri Melaka bagi mempelajari sejarah perkembangan Bahasa Melayu di negara ini serta melakukan aktiviti berkumpulan berkaitan dengan bahasa kebangsaan. Seterusnya, kemuncak acara sambutan bulan bahasa kebangsaan adalah pada hari ini iaitu kita akan menyaksikan pertandingan pidato dan lagu puisi yang disertai oleh warga KKR, JKR, LLM dan CIDB.

Hadirin sekalian,

8. Kesedaran mengenai pentingnya menerapkan sikap cintakan bahasa kebangsaan perlu dipupuk dalam kalangan semua peringkat usia dan dalam kalangan semua kaum. Dalam era globalisasi abad ke-21 ini, kepentingan bahasa Inggeris tidak dapat kita nafikan. Namun demikian, dalam masa yang sama bahasa Melayu tidak wajar

dipinggirkan kerana bahasa kebangsaan sesebuah negara menggambarkan identiti negara yang harus didaulatkan dan diperkasakan.

9. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan pada tahun ini.

Yang kurik itu kundi,

Yang merah itu saga,

Yang cantik itu budi,

Yang indah itu bahasa.

*Wabillahi al-taufik walhidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Sekian, terima kasih.

Kementerian Kerja Raya